

AKTIVITI 5

Baca petikan di bawah dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Kemudian, jawab soalan yang berikut dengan ayat yang lengkap.



Kamil seorang murid yang jujur dan amanah. Kamil akan menyerahkan barang yang ditemukan kepada guru agar dapat diserahkan kepada pemiliknya. Kamil tidak akan mengambil barang yang bukan miliknya kerana dia sentiasa ingat akan nasihat ibunya supaya tidak mengambil barang orang lain.

Kamil selalu bercakap benar walaupun dia melakukan kesalahan. Dia menjadi murid contoh yang jujur. Setiap malam, Kamil berdoa supaya dia terus menjadi seorang yang amanah dan dihormati.

1. Nyatakan sikap Kamil?

_____ dan

(2 markah)

2. Apakah yang dilakukan oleh Kamil jika dia menemukan barang milik orang lain?

_____ agar

(2 markah)

3. Mengapakah Kamil tidak mengambil sesuatu yang bukan miliknya?

_____ kerana

(2 markah)

4. Bagaimanakah sikap Kamil jika dia melakukan kesalahan?

_____ walaupun

(2 markah)

5. Mengapakah Kamil berdoa pada setiap malam?

_____ supaya


(2 markah)